



05
BAB
CHAPTER



PROMOSI PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR PROMOTION OF RAKAN ALAM SEKITAR PROGRAMME

PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR (RAS)

Program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dilancarkan pada 4 Jun 2009 telah mempunyai seramai 239,757 ahli berdaftar di seluruh Malaysia sehingga Disember 2015. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran serta mengerakkan anggota masyarakat secara “hands-on” dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar dan juga menjadi mata dan telinga untuk membantu agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.

BENGKEL KEPIMPINAN DAN PEMURNIAN PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR (RAS) DAN PASUKAN PEMANTAU PENCEMARAN (3P) JABATAN ALAM SEKITAR

Bengkel Kepimpinan Dan Pemurnian Program RAS Dan 3P ini merupakan bengkel yang diadakan bersama antara Bahagian Komunikasi Strategik dan juga Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar. Objektif bengkel ini adalah seperti berikut:-

- (i) Bagi mewujudkan konsep kepimpinan kepada Kapten RAS dan ahli 3P untuk berupaya mengerakkan ahli RAS bagi menangani isu-isu alam sekitar;
- (ii) Bagi menggembelng peranan Kapten RAS untuk bergerak bersama-sama dengan ahli 3P bagi mencegah pencemaran; dan
- (iii) Untuk membentuk program RAS dan 3P yang memberi impak yang tinggi kepada masyarakat.

“RAKAN ALAM SEKITAR” PROGRAMME

The “Rakan Alam Sekitar” (RAS) was launched on 4th June 2009 and until December 2015, 239,757 were registered as members. This programme intends to increase environmental awareness and also mobilizing community members in “hands-on” environmental activities as well as being the ‘eyes’ and ‘ears’ of government agencies responsible for combating environmental pollution.

LEADERSHIP WORKSHOPS AND PURIFICATION PROGRAM “RAKAN ALAM SEKITAR” (RAS) AND “PASUKAN PEMANTAU PENCEMARAN” (3P) DEPARTMENT OF ENVIRONMENT

Leadership Workshop And Purification Program RAS And 3P is a workshop held jointly by the Strategic Communications Division and the Department of Environmental Enforcement Division. The objectives of this workshop are as follows: -

- (i) To establish the concept of leadership to Captain RAS and 3P experts to try to move the RAS members to tackle environmental issues;
- (ii) To mobilize the role of Captain RAS to move together with the 3P to prevent pollutions; and
- (iii) To establish the RAS and 3P program to have a high impact on society

Melalui bengkel ini para peserta diberi penerangan mengenai bidang tugas Jabatan Alam Sekitar dan juga peranan dan tugas Kapten RAS dan Ahli 3P yang telah dilantik. Tujuannya adalah bagi memberi kefahaman yang lebih baik kepada peserta dan mengelakkan pertindihan tugas yang diberi.

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 3 bengkel telah dapat dilaksanakan iaitu adalah seperti berikut:-

- (i) Bengkel Kepimpinan Dan Pemurnian Program RAS dan 3P Zon Utara di Pusat Latihan Dan Pembangunan Pengembangan, Teluk Cengai Kedah Darul Aman pada 10 hingga 12 Mei 2015;
- (ii) Bengkel Kepimpinan Dan Pemurnian Program RAS dan 3P Zon Selatan di Institut Latihan FAMA, Port Dickson pada 8 Jun hingga 10 Jun 2015; dan
- (iii) Bengkel Kepimpinan Dan Pemurnian Program RAS dan 3P Zon Utara di Pusat Latihan Dan Pembangunan Pengembangan, Wilayah Timur, Besut, Terengganu pada 1 hingga 3 September 2015.

Antara aktiviti yang dijalankan semasa bengkel ini adalah ramah mesra dan kenal mengenal antara peserta dan pegawai jabatan yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan. Selain itu, peserta diberi peluang untuk berkongsi idea dan pandangan mengenai hala tuju program yang dirancang.

PAMERAN DAN SEBARAN MAKLUMAT ALAM SEKITAR

Pada tahun 2015, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah menyertai sebanyak 25 pameran bertemakan alam sekitar yang dianjurkan oleh institusi- institusi pengajian tinggi, sektor perindustrian, agensi kerajaan dan swasta seperti berikut:

- i) Pameran sempena program "Planting trees, planting knowledge" anjuran Sekolah Kebangsaan Seafield, Selangor pada 27 Februari 2015;
- ii) Pameran di Sekolah Kebangsaan Sri Selangor, Subang Jaya, Selangor pada 5 Mac 2015;

Through this workshop the participants were briefed on the terms of reference of the Department of Environment as well as the role and duties of captain RAS and 3P who was appointed. The aim is to give a better understanding to the participants and avoid duplication of tasks given.

During 2015 a total of 3 workshops were held which are as follows: -

- (i) Workshop on Leadership And Purification Program RAS and 3P North Zone at Development Training & Development Center, Bay Cengai Kedah Darul Aman on 10 to 12 May 2015;
- (ii) Workshop on Leadership And Purification Program 3P RAS and South Zone at FAMA Training Institute, Port Dickson on June 8 to June 10, 2015; and
- (iii) Workshop on Leadership And Purification Program RAS and 3P North Zone at Training & Development Center Development, Eastern Region, Besut, Terengganu from 1 to 3 September 2015.

Among the activities held during the workshop was friendly activities and ice breaking activities which aims to strengthen the relationship. In addition, participants were given the opportunity to share ideas and views on the future direction of the planned programmes.

EXHIBITION AND DISTRIBUTION OF ENVIRONMENTAL INFORMATION

In 2015, DOE Headquarters attended 25 environment-themed exhibitions organized by institutions of higher learning, industrial, government and private agencies such as the following:

- i) Exhibition in conjunction with the exhibition "Planting trees, planting knowledge" organized by the National School of Seafield, Selangor on February 27, 2015;
- ii) The exhibition at Sekolah Kebangsaan Sri Selangor, Subang Jaya, Selangor on March 5, 2015;

- | | |
|--|--|
| <p>iii) Pameran sempena Persidangan antarabangsa pemimpin muda anjuran Institut pembangunan belia Malaysia (IYRES) di PWTC pada 19 hingga 21 Mac 2015;</p> | <p>iii) Exhibition on international conference of young leaders organized by the Malaysian Institute of youth development (IYRES) at PWTC on 19 to 21 March 2015;</p> |
| <p>iv) Pameran sempena Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar, Alam Flora di Dewan presint 16 Putrajaya pada 23 Mac 2015;</p> | <p>iv) Exhibition on launch of Safety, Health and Environment, Alam Flora in the 16 precincts in Putrajaya on March 23, 2015;</p> |
| <p>v) Pameran sempena Seminar Industri Hijau di Hotel Bangi Putrajaya pada 26 Mac 2015;</p> | <p>v) Exhibition on Green Industry Seminar in Hotel Bangi Putrajaya on March 26, 2015;</p> |
| <p>vi) Pameran sempena Hari Terbuka Perpustakaan Awam, Jabatan Alam Sekitar pada 26 Mac 2015;</p> | <p>vi) Exhibition on Open Day of Public Library, the Department of Environment on March 26, 2015;</p> |
| <p>vii) Pameran sempena Sambutan Hari Bumi di Hotel Bangi Putrajaya, pada 22 April 2015;</p> | <p>vii) Exhibition on Earth Day Celebration at Hotel Bangi Putrajaya, on 22 April 2015;</p> |
| <p>viii) Pameran sempena Executive Talk di EiMAS, UKM Bangi pada 28 April 2015;</p> | <p>viii) Exhibition on Executive Talk EiMAS, UKM Bangi on 28 April 2015;</p> |
| <p>ix) Pameran (Bas Pameran NRE) sempena Karnival RAS Peringkat Negeri Johor di TDK-Lambda, Senai, Johor pada 26 April 2015;</p> | <p>ix) Exhibition (Exhibition Bus NRE) on RAS Carnival in TDK-Lambda, Senai, Johor on 26 April 2015;</p> |
| <p>x) Pameran sempena Seminar Pengurusan Sisa Pepejal Perindustrian 2015 anjuran SWcorp di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 13 Mei 2015;</p> | <p>x) Exhibition on Waste Management Industry Seminar 2015 organized by SWcorp at Hotel Istana, Kuala Lumpur on May 13, 2015;</p> |
| <p>xi) Pameran (Bas Pameran NRE) sempena Sambutan Hari Air Sedunia anjuran Syarikat Air Johor (SAJ) di Dataran Tanjung Mas Muar, Johor pada 14 Mei 2015;</p> | <p>xi) Exhibition (Exhibition Bus NRE) on World Water Day, organized by Syarikat Air Johor (SAJ) at Dataran Tanjung Mas Muar, Johor on May 14, 2015;</p> |
| <p>xii) Pameran di Majlis Pelancaran Pusat Kecemerlangan Pengurusan Bahan Berbahaya & Industri Hijau Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia, Taboh Naning, Melaka pada 25 hingga 27 Mei 2015;</p> | <p>xii) Exhibition at the launch of the Centre of Excellence Hazardous Materials Management & Green Industry in conjunction with World Environment Day, Taboh Naning, Melaka on 25 to 27 May 2015;</p> |
| <p>xiii) Pameran sempena Bulan Sains & Matematik di Sekolah Kebangsaan Sg. Besi pada 28 Mei 2015;</p> | <p>xiii) Exhibition on The Science & Math month in Sekolah Kebangsaan Sg. Besi on May 28, 2015;</p> |
| <p>xiv) Pameran sempena Minggu Bersama Pelanggan, Premintex Sanco, Rawang, Selangor pada 3 Jun 2015;</p> | <p>xiv) Exhibition on Week with Client, Premintex Sanco, Rawang, Selangor on June 3, 2015;</p> |
| <p>xv) Pameran di Karnival Alam Sekitar Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia bertempat di MARDI, Cameron Highland pada 6 hingga 7 Jun 2015;</p> | <p>xv) Exhibition on Carnival World Environment Day at MARDI, Cameron Highland at 6 to 7 June 2015;</p> |

- | | | | |
|--------|--|--------|---|
| xvi) | Pameran sempena Pertandingan Kuiz 3R & Alam Sekitar Peringkat Daerah Gombak 2015 di Sek. Men. Keb. Bukit Indah, Ampang pada 24 Jun 2015; | xvi) | Exhibition on Quiz Competition with 3R & Environment Rating Sek 2015 Gombak District. Men. Keb. Bukit Indah, Ampang on June 24, 2015 |
| xvii) | Pameran, Promosi dan Pendaftaran RAS di Alamanda, Putrajaya pada 22 hingga 23 Ogos 2015; | xvii) | Exhibition, Promotion and Registration RAS in Alamanda, Putrajaya on 22 to 23 August 2015; |
| xviii) | Pameran sempena Sambutan Hari Wanita 2015 di PICC, Putrajaya pada 24 Ogos 2015; | xviii) | Exhibition on Women's Day Celebration 2015 at PICC, Putrajaya on August 24, 2015 |
| xix) | Pameran sempena Kempen Kesihatan, Keselamatan, dan Alam Sekitar, UTBS Site Office, Presint 9, Putrajaya pada 12 Oktober 2015; | xix) | Exhibition on Health, Safety, and Environment Campaign, UTBS Site Office, Precinct 9, Putrajaya on October 12, 2015; |
| xx) | Pameran sempena Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia Peringkat Kebangsaan di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur pada 17 Oktober 2015; | xx) | Exhibition on Environment Week Celebration National Level in Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur on October 17, 2015; |
| xxi) | Pameran sempena Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Tapak Pembinaan di Lot 2C5, Putrajaya (WCT Construction S/B) pada 27 Oktober 2015; | xxi) | Exhibition on Occupational Safety and Health Campaign at Construction Sites in Lot 2C5, Putrajaya (WCT Construction S / B) on October 27, 2015; |
| xxii) | Pameran (Bas Pameran NRE) Karnival Rakan Alam Sekitar, Sambutan MASM Peringkat Negeri Johor di Gunung Ledang Resort, Johor pada 7 November 2015; | xxii) | Exhibition (Exhibition Bus NRE) Carnival Friends of the Environment, the state-level celebration MEW at Gunung Ledang Resort, Johor on 7 November 2015; |
| xxiii) | Pameran sempena Kempen Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan TM MSC 2015 di TM Cyberjaya Complex, Cyberjaya pada 16 hingga 18 November 2015; | xxiii) | Exhibition on Safety, Health & Environmental Occupational TM MSC 2015 TM Cyberjaya Complex, Cyberjaya on 16 to 18 November 2015; |
| xxiv) | Pameran sempena Karnival & Hari Keluarga Kariah Masjid Jameatus Solehah, Pekan Dengkil pada 12 Disember 2015; dan | xxiv) | Exhibition on Carnival and Family Day Jameatus Solehah Masjid, Pekan Dengkil on December 12, 2015; and |
| xxv) | Pameran sempena Kempen Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar di Lot 7G1 Putrajaya (Pembinaan Mitrajaya Sdn Bhd) pada 16 Disember 2015. | xxv) | Exhibition on Safety, Health & Environment Campaign at Lot 7G1 Putrajaya (Construction Mitrajaya Sdn Bhd) on December 16, 2015. |



MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA MALAYSIA ENVIRONMENT WEEK

21 Oktober telah diisytiharkan sebagai Hari Alam Sekitar Malaysia oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Sambutan diadakan selama seminggu ini dikenali sebagai Minggu Alam Sekitar Malaysia atau nama ringkasnya MASM.

Pada tahun ini Majlis Perasmian Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Kebangsaan 2015 telah disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 21 Oktober 2015 di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Dengan tema sambutan "Kami Mahu Gaya Hidup Lestari", pelbagai aktiviti telah diadakan untuk memupuk semangat segenap lapisan masyarakat Malaysia dalam membudayakan gaya hidup lestari.

Aktiviti-aktiviti seperti pelancaran Manual Indikator Untuk Menilai Kesedaran Alam Sekitar di Malaysia, program berbasikal, Enviro Hunt, Program Cinta Alam, Enviro-doodle, pertandingan mewarna, kuiz alam sekitar, karaoke alam sekitar, pengumpulan e-waste dan sebagainya merupakan hasil perkongsian pintar antara Jabatan Alam Sekitar dengan semua pihak.

Selain daripada itu, terdapat juga pelbagai aktiviti lain yang diadakan bersempena MASM 2015 iaitu seperti Perasmian Program Cinta Alam (Kerjasama Alam Flora), Program JJMRAS-CCM Perlis dan Johor (Kerjasama CCM) dan Broga Challenge (Kerjasama RHB)

October 21st has been declared as Malaysia Environment Day by Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. The celebration was held for a week is known as the Malaysian Environment Week or its acronym MASM.

This year the Opening Ceremony of the Malaysian Environment Week National Level 2015 was officiated by YB. Dato 'Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Minister of Natural Resources and Environment on October 21st, 2015 at Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.

With the theme of "We Want Sustainable Lifestyle", various activities were organized to foster all levels of Malaysian society in promoting sustainable lifestyles.

Activities such as the launch of the Manual Indicators to Assess Environmental Awareness in Malaysia, biking program, Enviro Hunt, "Program Cinta Alam", Enviro-doodle, coloring competition, environmental quiz, karaoke environment, e-waste collection and so is the result of partnerships between the Department of Environment with all stakeholders.

In addition, there were also various other activities held in conjunction with the 2015 MEW like Inauguration of "Program Cinta Alam" (Alam Flora Cooperation), Program JJMRAS-CCM Perlis and Johor (Cooperation CCM) and Broga Challenge Cooperation (RHB)



Majlis Perasmian Minggu Alam Sekitar Malaysia Peringkat Kebangsaan 2015
Opening Ceremony of Malaysia Environment Week at National Level 2015



YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar turut bersama dalam aktiviti senamrobik
Minister of Natural Resources and Environment are participating in aerobics activities



Pelancaran Manual Indikator Untuk Menilai Kesedaran Alam Sekitar di Malaysia
Launching of Manual Indicators to Assess Environmental Awareness in Malaysia



Sebahagian daripada aktiviti dalam Program Cinta Alam
Some of the activities in the program "Cinta Alam"

HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

Hari alam sekitar sedunia disambut pada 5 Jun setiap tahun di seluruh dunia. Tema bagi sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun 2015 adalah “**Seven Billion Dreams. One Planet. Consume with Care.**”

Jabatan Alam Sekitar mengambil pendekatan program berbentuk hebahan melalui media bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia berkenaan kepentingan alam sekitar. Media merupakan satu medium yang amat baik untuk memastikan segala maklumat sampai di seluruh pelusuk dunia.

Hebahan dalam media cetak, media elektronik serta media sosial telah diadakan sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2015. Hebahan yang dilakukan adalah seperti Penerbitan ruangan “*advertorial*” Hari Alam Sekitar Sedunia, pada 5 Jun 2015, sesi wawancara Ketua Pengarah Alam Sekitar di saluran elektronik, Rancangan Selamat Pagi Malaysia. Ia turut diadakan melalui radio oleh JAS Negeri di seluruh Malaysia. Selain daripada itu hebahan melalui media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, laman sesawang Jabatan Alam Sekitar serta penyampaian Khutbah Jumaat Bertajuk “Memakmurkan Bumi Allah” Pada 12 Jun 2015 di seluruh Malaysia/ Siaran Langsung RTM1 turut diadakan.

Program berbentuk komuniti turut diadakan bagi memastikan penglibatan komuniti dalam penjagaan alam sekitar. Program yang telah dilaksanakan bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia adalah Majlis Pelancaran Penubuhan Pusat Kecemerlangan Pengurusan Buangan Terjadual Dan Industri Hijau 2015, pada 25-27 Mei 2015 di Taboh Naning Dan A Famosa Resort, Melaka dan Program Alam Sekitar Bersama Komuniti, pada 6-7 Jun 2015 di Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Cameron Highlands.


WORLD ENVIRONMENT DAY

World Environment Day is celebrated on June 5 every year worldwide. The theme for the celebration of World Environment Day in 2015 was “**Seven Billion Dreams. One Planet. Consume with Care.**”

Department of Environment adopting program announcements in the media to raise awareness of Malaysians on the importance of the environment. Media is a very good medium to ensure that all information reached everybody all over the world.

Publicity in print media, electronic media and social media was held in conjunction with World Environment Day 2015 Announcement that is like publishing the column *advertorial* World Environment Day, on June 5, 2015, interview session with the Director-General of Environment in electronic channels, “*Selamat Pagi Malaysia*”. It also held via radio by the states DOE throughout Malaysia. In addition promotion through social media like Facebook, Twitter, the Department of Environment website as well as the delivery of the “*Khutbah Jumaat*” entitled “Memakmurkan Bumi Allah” on June 12, 2015 across Malaysia/ Live RTM1 also held.

Community-based programmes were organized to ensure the communities involvement in environmental care. Programmes that have been implemented in conjunction with World Environment Day is the launch of the Centre of Excellence Establishment Wastes Management And Green Industry in 2015, on 25-27 May 2015 in Taboh Naning & A Famosa Resort, Melaka and “*Program Alam Sekitar Bersama Komuniti*”, was held on 6-7 June 2015 at Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), Cameron Highlands.



Advertorial Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2015
 Advertorial Minister of Natural Resources and Environment and Director General of the Department of Environment in conjunction with World Environment Day 2015



Mini Karnival Alam Sekitar Bersama Komuniti sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2015
 Mini Carnival Community with environment in conjunction with celebration of World Environment Day 2015

MAJLIS SAMBUTAN HARI BUMI

Hari Bumi disambut pada 22 April setiap tahun di peringkat antarabangsa. Pelbagai program yang dilancarkan sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran serta melibatkan penyertaan orang awam dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar.

Di Malaysia, Jabatan Alam Sekitar (JAS) menganjurkan Sambutan Hari Bumi pada setiap tahun. Hari Bumi 2015 peringkat kebangsaan telah disambut pada 22 April 2015 di Hotel Bangi-Putrajaya, Bangi, Selangor.

Tema sambutan Hari Bumi 2015 adalah **“It’s Our Turn To Lead”**. Penganjuran majlis ini telah melibatkan penyertaan seramai 500 orang hadirin yang terdiri daripada wakil-wakil Agensi Kerajaan, syarikat swasta, pihak industri, guru-guru dan pelajar sekolah.

Tahun ini, Majlis Penganugerahan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) bagi Sesi 2013 / 2014 serta Anugerah Wira Alam telah diadakan sempena Hari Bumi. Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato’ Sri. Dr. James Dawos Mamit, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Disamping itu, Simposium Pendidikan Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar 2015 Sempena Sambutan Hari Bumi telah diadakan pada sebelah petang di lokasi yang sama.

EARTH DAY CELEBRATION CEREMONY

Every year Earth Day is celebrated on 22nd April at international level. Various programmes were launched as one of the initiatives to raise awareness and public participation in efforts to protect and conserve the environment.

In Malaysia, the Department of Environment (DOE) organizes Earth Day celebration every year. Earth Day 2015 was celebrated nationally on 22 April 2015 at Hotel Equatorial Bangi-Putrajaya, Bangi, Selangor.

The theme of Earth Day 2015 is **“It’s Our Turn to Lead”**. This event was participated by 500 attendees consisting of representatives of government agencies, private companies, industry, teachers and students.

For this year, the Award Ceremony for Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) for session 2013/2014 and Anugerah Wira Alam was held in conjunction with Earth Day was officiated by YB Dato’ Sri. Dr. James Dawos, Deputy Minister of Natural Resources and Environment.

In addition, the Symposium on Education Towards Environmental Sustainability in 2015 conjunction with Earth Day was held in the afternoon at the same location.



Penerima Anugerah Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) bagi sesi 2013/2014
Award recipient for Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) for session 2013/2014



YB Dato' Sri. Dr. James Dawos Mamit menandatangani Plak Hari Bumi
YB Dato' Sri. Dr. James Dawos signed plaque for Earth Day



Simposium Pendidikan Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar
Symposium on Education Towards Environmental Sustainability

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) DAN NOTA KERJASAMA BAGI PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR DAN RAKAN ALAM SEKITAR (RAS)

Memorandum persefahaman (MoU) dan Nota Kerjasama dua hala antara Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan pihak berkepentingan merupakan salah satu inisiatif untuk menggalakkan kerjasama daripada Agensi Kerajaan, Institut Pengajian Tinggi (IPT), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam melaksanakan program-program kesedaran alam sekitar yang berimpak tinggi serta mempromosi dan menggalakkan penyertaan mereka secara lansung dan aktif dalam tindakan memelihara dan memulihara alam sekitar. Pada tahun 2015, JAS telah menandatangani MoU dengan 246 organisasi seluruh Malaysia.

Pada tahun 2015, rakan-rakan MoU telah melibatkan diri dengan aktif dalam pelaksanaan program kesedaran alam sekitar seperti membantu dan menyokong sambutan Hari Bumi, Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia dan Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia dan sebagainya. Ia merupakan indikator yang baik kerana ia menunjukkan bahawa setiap rakan MoU ini sedar bahawa tugas menyedarkan orang awam tentang kepentingan alam sekitar ini bukan sahaja terletak di bahu Jabatan sahaja.

Jabatan Alam Sekitar telah menandatangani MoU dengan SWCorp (21 April 2015) dan Alam Flora (1 September 2015). Selain daripada itu pihak Jabatan juga telah menandatangani MoU dengan Sinar Karang kraf Sdn Bhd, Perak-Hanjoong Simen Sdn Bhd, Perbadanan Putrajaya dan Persatuan Lestari Alam Malaysia pada

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) AND MEMORANDUM OF COOPERATION FOR ENVIRONMENTAL AWARENESS PROGRAM AND "RAKAN ALAM SEKITAR" (RAS)

Memorandum of Understanding (MoU) and Memorandum of bilateral cooperation between the Department of Environment (DOE) with stakeholders is one of the initiatives to promote the cooperation of government agencies, institutions of higher learning (IPT), government-linked companies (GLCs), Private Companies and Non-Profit Governmental Organizations (NGOs) in implementing programs of environmental awareness and promoting high impact and encourage their participation directly and actively in actions to preserve and conserve the environment. In 2015, the DOE has signed MoU with 246 organizations nationwide.

In 2015, the MoU partners have been actively involved in implementing environmental awareness programs such as help and support Earth Day, World Environment Day and Environment Week Celebration Malaysia and so on. It is a great indicator because it shows that every friends of this MoU are aware that the task of enlightening the public about the importance of the environment is not only the Department's responsibility.

The Department of Environment has signed a MoU with SWCorp (21 April 2015) and Alam Flora (1 September 2015). In addition the Department has also signed an MoU with Sinar Karang kraf Sdn Bhd, Perak-Hanjoong Simen Sdn Bhd, Perbadanan Putrajaya and Persatuan Lestari Alam Malaysia on October 1st, 2015 in conjunction with

1 Oktober 2015 di Marina Putrajaya bersempena Pra-Pelancaran Minggu Alam Sekitar Malaysia.

the Soft Launch Marina Putrajaya Malaysia Environment Week.

Melalui perkongsian pintar ini adalah diharapkan pelbagai program dan aktiviti ke arah kesedaran alam sekitar kepada pelbagai lapisan masyarakat boleh dilaksanakan dan seterusnya meningkatkan rasa kecintaan kepada alam sekitar di kalangan rakyat Malaysia.

Through smart partnerships are expected various programs and activities towards environmental awareness of the public can be implemented and further enhance the sense of love for the environment among Malaysians.



Majlis Menandatangani MoU diantara JAS dan SWCorp
MOU Signing Ceremony between DOE and SWCorp



Majlis Pelancaran Program Cinta Alam dan Majlis Menandatangani MoU diantara JAS dan Alam Flora
Launching "Program Cinta Alam" and MoU Signing Ceremony between DOE and Alam Flora



Majlis Bersama Media dan Sesi Menandatangani MoU JAS dengan Rakan Strategik sempena Pra Pelancaran Minggu Alam Sekitar Malaysia 2015
Media Joint Council and DOE Signing MoU with Strategic Partner Session in conjunction with the Soft Launch Malaysia Environment Week 2015



PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI INTER-VARSITY ENVIRONMENTAL DEBATE

Sejak tahun 1991, Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pertandingan debat ini merupakan debat ala parlimen dan penentuan pasukan yang bertanding sama ada berperanan sebagai kerajaan atau pembangkang dibuat menggunakan kaedah sistem bracket power match untuk pusingan awal. Kedudukan setiap pasukan dibuat berdasarkan menang/kalah, juri, julat kemenangan dan markah keseluruhan.

Pada tahun 2015, pertandingan peringkat awal melibatkan lima (5) pusingan. Lapan (8) pasukan terbaik dipilih untuk ke peringkat suku akhir dan empat (4) pasukan yang menang pula ke peringkat separuh akhir dan seterusnya dua (2) pasukan terbaik bertanding di peringkat akhir.

Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kali Ke- 25 telah disertai oleh 29 pasukan iaitu terdiri daripada 19 IPT Awam, 6 Institut Pendidikan Guru (IPG) dan 4 IPT Swasta.

Pertandingan peringkat awal hingga akhir telah diadakan di Universiti Teknologi Petronas (UTP) pada 11-14 September 2015 bersempena sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) 2015. Majlis Perasmian di UTP telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Alam Sekitar (Pembangunan), YBhg Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim.

Since 1991, the Environmental Debate for Institution of Higher Learning had been organized annually by the Department of Environment in collaboration with the Ministry of Education Malaysia, Malaysian Universities Debate Council (MADUM) and Dewan Bahasa dan Pustaka.

The Inter-Varsity Environmental Debate was conducted in a parliamentary manner and the bracket power match system was adopted in the preliminary rounds to determine whether a team is in the preposition or opposition side. The ranking of each team was based on several criteria such as "winner/loser", jury, margin and overall score.

In 2015, all teams took part in the preliminary five (5) rounds. The eight (8) highest ranking teams were then selected to compete in the Quarter-Finals, out of which four (4) qualified for the Semi-Finals and eventually two (2) teams entered the finals.

The 25th Inter Varsity Environmental Debate which was participated by 29 institutions of higher learning which are 19 Government Institutions Of Higher Learnings, 6 Teacher Education Centre and 4 private Institutions Of Higher Learnings.

The first round competition until final were held at Universiti Teknologi Petronas (UTP) from 11-14 September 2015 in conjunction with Malaysia Environment Week (MASM) 2015. Opening Ceremony at UTP was inaugurated by the Deputy Director-General of Environment (Development), YBhg Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim.

Pertandingan peringkat akhir pada 14 September 2015 telah berlangsung di Dewan Canselor, UTP di antara pasukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) .

Pasukan UIAM yang bertindak selaku pembangkang telah muncul sebagai Johan dan menerima Piala Pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, hadiah wang tunai RM8,000.00 serta sijil penyertaan.

Pasukan UiTM pula muncul sebagai Naib Johan dan meraih hadiah wang tunai sebanyak RM 5,000.00, piala iringan, dan sijil penyertaan.

En. Mohd Haziq Jamaludin, pendebat daripada UiTM telah muncul sebagai Pendebat Terbaik Peringkat Akhir dan menerima piala iringan beserta hadiah wang tunai RM1,500.00 dan sijil penyertaan.

Pendebat Terbaik Liga dimenangi oleh pendebat daripada Universiti Multimedia iaitu En. Arfazur Rasyeed Jaafar Abdullah yang membawa pulang hadiah wang tunai RM 1,000.00, piala iringan dan sijil penyertaan.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Zulkifli Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Alam Sekitar (Operasi).

The Finals on September 14, 2015 was held at Canselor Hall, UTP between teams from the International Islamic University Malaysia (IIUM) and Universiti Teknologi Mara (UiTM).

The IIUM team as opposition emerged the overall winner and received the Minister of Natural Resources and Environment Challenge Trophy, a cash prize of RM 8,000.00 and a certificate of participation.

The UiTM team emerged as Second place and received RM 5,000.00, trophy and certificate.

Mr. Mohd Haziq Jamaludin of UiTM emerged as the Finals Best Debater and received the trophy, together with a cash prize of RM 1,500.00 and certificate.

League Best Debater was awarded to Universiti Multimedia debator, Mr. Arfazur Rasyeed Jaafar Abdullah and received RM 1,000.00, trophy and certificate .

The prize giving ceremony was officiated by YBhg. Dr. Zulkifli Abdul Rahman, the Deputy Director-General of Environment (Operation).



Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar Antara IPT di antara pasukan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Environmental Debate Final between the teams from the International Islamic University Malaysia (IIUM) and Universiti Teknologi Mara (UiTM)




Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Zulkifli Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Alam Sekitar (Operasi)
The prize giving ceremony was officiated by YBhg. Dr. Zulkifli Abdul Rahman, the Deputy Director General of Environment (Operation)


PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN-ENVIRO ENVIRO-LIBRARY SERVICE

Perpustakaan-Enviro yang terletak di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar berfungsi sebagai pusat rujukan kepada kakitangan JAS dan orang awam yang berdaftar. Sehingga 31 Disember 2015, koleksi bahan rujukan adalah sebanyak 37,644 buah. Pada tahun 2015, bilangan pengguna di perpustakaan adalah seramai 25,921 orang jika dibandingkan bilangan pengguna pada tahun 2014 iaitu sebanyak 7646 orang sahaja. Peningkatan ini berlaku kerana penambahbaikan yang dilakukan oleh perpustakaan JAS dengan mendigitalkan semua bahan yang diterbitkan Jabatan Alam Sekitar. Kaedah yang baru ini menggalakan pengguna mencari bahan dengan mudah dan cepat tanpa berkunjung ke perpustakaan.

Enviro - Library which is located at the Headquarters of the Department of Environment serves as a reference center for DOE staffs and civilians who are registered. Up to December 31, 2015, a collection of reference materials was 37.644. In 2015, the number of users in the library were 25.921 persons compared to the number of users in 2014 of 7646 people. This increase occurred because of improvements made by libraries to digitize all the materials published by DOE. This new method encouraging user to find materials quickly and easily without visiting the library.




Rajah 9 JAS: Perkhidmatan Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar 2015
Figure 9 DOE: Department Of Environment Library Services 2015




	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	AUG	SEP	OKT	NOV	DEC
■ Kakitangan JAS/DOE Staff	15	25	32	18	13	21	30	16	28	14	24	18
■ Pelajar/Konsultant/Student/Consultant	2	20	25	32	34	9	2	6	64	45	51	48
■ EKMC (Digital)	0	0	0	0	0	552	769	771	1042	1284	1405	1231
■ Portal library	813	931	997	2981	3274	1367	915	2744	1526	4166	3005	2659


Rajah 9 JAS: Kategori Pengguna di Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar (Bulanan) 2015
 Figure 9 DOE: Categories Users in Department Of Environment Library (Monthly) 2015




Rajah 10 JAS: Kategori Pinjaman Bahan di Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar (Bulanan) 2015
 Figure 10 DOE: Categories of Borrowing Materials in Department of Environment Library (Monthly) 2015



Rajah 11 JAS: Kategori Pelayar Pelawat EKMC di Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar (Bulanan) 2015
 Figure 11 DOE: EKMC Visitor Browser Categories in Department of Environment Library (Monthly) 2015



Rajah 12 JAS: Kategori Penggunaan Bahan dan Lain-Lain di Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar (Bulanan) 2015
 Figure 12 DOE: Categories of Uses and Other Materials in Department Of Environment Library (Monthly) 2015



Rajah 13 JAS: Kategori Negara Menggunakan EKMC (Digital) di Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar (Bulanan) 2015
 Figure 13 DOE: Categories Country Uses EKMC (Digital) in Department Of Environment Library (Monthly) 2015

AKTIVITI PERPUSTAKAAN

Hari terbuka Enviro Knowledge Management Center

Pada 26 dan 27 Mac 2015 telah berlangsung Hari Terbuka Enviro Knowledge Management Center 2014 (EKMC) yang dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik Puan Muhibbah binti Selamat. Program ini merupakan salah satu inisiatif perpustakaan Jabatan Alam Sekitar ke arah mengeratkan hubungan kakitangan Jabatan Alam Sekitar dengan Unit Perpustakaan. Pelbagai aktiviti disediakan oleh Perpustakaan antaranya ialah kempen derma darah, ceramah kesihatan, pameran Rakan Alam Sekitar dan jualan buku.



LIBRARY ACTIVITIES

Enviro open day Knowledge Management Center

On 26 and 27 March 2015 Enviro 2014 Knowledge Management Center (KMC) Open Day was held which was officiated by the Director of Strategic Communications Division Puan Muhibbah binti Selamat. This program is an initiative of the Department of Environment library towards closer relations with the staffs of the Department of Environmental library. Variety of activities were provided by the Library such as blood donation campaign, health talks, exhibitions of Friends of Environment and book sales.





Rajah 1 : Hari Terbuka EKMC
Figure1 : EKMC Open Day

Bengkel latihan KOHA

Unit Perpustakaan telah menganjurkan bengkel latihan KOHA bagi memberi pendedahan baru dalam pengurusan perpustakaan yang lebih sistematik kepada penyelaras sistem Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar Negeri dan bahagian Ibu Pejabat. Program ini diadakan pada 25 dan 26 Mei 2015 dan disertai oleh seluruh pegawai dari JAS negeri dan bahagian Ibu Pejabat.

KOHA training workshops

The Library has organized KOHA training workshops to expose new library management system to the system administrators of the State Environmental Department Library and the Headquarters. The program was held on 25 and 26 May 2015 and attended by all employees of the state and the DOE Headquarters.



Rajah 2 : Bengkel Latihan Sistem KOHA
Figure 2 : KOHA training workshops

Bengkel Photoshop di Bilik ICT BTM, Jabatan Alam Sekitar

Unit Perpustakaan telah menganjurkan bengkel photoshop untuk kakitangan Jabatan Alam Sekitar pada 24 dan 25 Februari 2015 bertempat di bilik ICT, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM). Seramai 30 orang peserta telah menyertai bengkel ini. Peserta didedahkan dengan teknik membina poster dengan betul serta cara mengedit gambar dengan baik mengikut kesesuaian tempat dan lokasi. Peserta juga dilatih bagaimana untuk menghasilkan logo. Hasil dari pembelajaran ini peserta mampu menghasilkan poster, gambar dan logo yang menarik.

Photoshop workshop on ICT room BTM, the Department of Environment

The Library has also organized a photography workshop for staff of the Department of Environment on 24 & 25 February 2015 at the ICT room, Information Technology Unit (BTM). A total of 30 participants attended the workshop. Participants learned the techniques to build a poster correctly and how to edit images to better suit the place and location. Participants were trained on how to produce a logo. As the output of the workshop, participants were able to produce posters, pictures and attractive logos.



Rajah 3 : Bengkel Photoshop Di Bilik ICT, Bahagian Teknologi Maklumat
Figure 3 : Photoshop workshop on ICT room BTM , the Department of Environment

Program Kempen Membaca 10 minit

Perpustakaan telah mengadakan program kempen membaca 10 minit bagi kakitangan Jabatan Alam Sekitar. Program ini dilaksanakan sempena Hari Buku Sedunia yang disambut pada 24 April setiap tahun. Program ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga JAS supaya membiasakan diri untuk membaca buku sekurangnya 10 minit setiap hari.

10 minutes Reading Campaign

Library held a 10 minutes reading campaign for the staffs of the Department of Environment. The program is implemented in conjunction with World Book Day , which is celebrated on 24th April every year. The program is aimed at creating awareness among the citizens of the DOE so accustomed to reading at least 10 minutes every day.



Rajah 4 : Program Jom Baca Bersama 10 Minit
Figure 4 : Lets Reads Program

Pertandingan Fotografi dan Mewarna Sempena Minggu Alam Sekitar 2015

Unit Perpustakaan telah mengadakan pertandingan Fotografi Sempena Minggu Alam Sekitar Malaysia 2015 di Tasik Titiwangsa Kuala Lumpur pada 17 Oktober 2015. Pertandingan Fotografi terbuka untuk warga negara Malaysia. Dua kategori dipertandingkan iaitu kategori DSLR dan Kategori Smart Phone. Pemenang telah menerima hadiah di Majlis Minggu Alam Sekitar Malaysia yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar. Seramai 600 orang peserta telah menyertai pertandingan ini.

Photography & Colorings Competition In conjunction with Environment Week 2015

The Library held a Photographic contest in conjunction with Malaysia Environment Week 2015 at Titiwangsa Lake, Kuala Lumpur on 17 October 2015. Photography Competition is open to Malaysian citizens. There were two categories namely DSLR and Category Smart Phone. Winners received prizes in Council Malaysia Environment Week presented by Deputy Director-General, Department of the Environment. A total of 600 participants took part in this competition.







2 ABD.RAZAK BIN SULAIMAN (PEMENANG KEDUA)
Kategori DSLR



3 MUHAMMAD SYAFIQ BIN ZAINAL (PEMENANG KETIGA)
Kategori DSLR



2 FARAH BINTI ABDUL AZIZ (PEMENANG KEDUA)
Kategori Device



3 MOHD IKHWAN ROSDI (PEMENANG KETIGA)
Kategori Device



**PERTANDINGAN FOTOGRAFI MINGGU
ALAM SEKITAR MALAYSIA 2015**

KATEGORI: DSLR
 PENEMPAH: TEMPAT KETIGA
 NILAI: LIMA RATUS RINGGIT
 MALAYSIA
 RM 500.00



Rajah 5 :Pertandingan Fotografi & Pertandingan Mewarna Di Taman Tasik Titiwangsa
Figure 5 : Photography & Colorings Competition In conjunction with Environment Week 2015

Lawatan ke Jabatan Muzium Malaysia

Unit perpustakaan dan Bahagian Teknologi Maklumat JAS bersama Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) telah mengadakan lawatan ke Jabatan Muzium Malaysia (JMM) pada 26 Januari 2015. Lawatan ini bertujuan untuk mendapat pendedahan ilmu baru dan berkongsi kepakaran JMM dalam bidang pengurusan muzium. Pihak JMM telah membawa melawat ke beberapa tempat kerja pengurusan aset dan juga pengurusan bahan khazanah negara.



A visit to the Department of Museums Malaysia

Library and Information Technology Unit together with Deputy Director-General (Development) visited the Department of Museums Malaysia (DMM) on January 26, 2015. The visit aims to gain exposure of new knowledge and share expertise of DMM in the field of museum management. DMM party has brought a visit to some workplace asset management and materials management as well as a national treasure.



Rajah 6: Lawatan Kerja Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar Ke Jabatan Muzium Malaysia
Figure 6 : A visit JAS Library to the Department of Museums Malaysia

Mesyuarat Pelaksanaan E-MUSEUM

Satu mesyuarat pelaksanaan e-museum telah diadakan pada 12 Ogos 2015 bagi membincangkan, merancang dan melaksanakan penubuhan muzium secara maya. Perbincangan ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Dato' Ahmad Kamarul Najuib Bin Che Ibrahim pada ketika itu. Pegawai JAS yang terlibat dalam mesyuarat ini adalah dari Jabatan Alam Sekitar Negeri dan juga Pegawai Bahagian Ibu Pejabat.

E-MUSEUM Meetings

A meeting was held on the implementation of e-museum on August 12, 2015 to discuss, plan and implement the establishment of a virtual museum. This discussion is chaired by the Deputy Director-General Dato' Dr. Ahmad Kamarul Najuib Bin Che Ibrahim at the time. DOE officer involved in the meeting are from the State Department of Environmental and also Officers of Headquarters Division.



Rajah 7 : Mesyuarat & Bengkel Pelaksanaan E-Muzium Bagi JAS
Figure 7 : E-MUSEUM Meetings and Workshop for DOE